

Belanjawan pacu ekonomi, beri rahmah kepada rakyat

Putrajaya: Belanjawan 2023 yang dijadual dibentangkan pada 24 Februari ini akan mengambil kira cabaran ekonomi semasa, tetapi boleh memacu pertumbuhan negara, menarik pelaburan ke dalam negara serta memberi rahmah kepada rakyat Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata menerusi belanjawan itu beberapa tindakan lebih radikal akan diambil serta mendepani beberapa masalah dengan berani.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menegaskan, pendeka-

tan itu perlu kerana negara banyak ketinggalan dari segi pelaksanaan dasar membabitkan ekonomi.

“Banyak hal kita ketinggalan. Hampir setiap hari saya ada kumpulan perbincangan, umpamanya dalam soal daya saing, kecekapan, kepesatan kelulusan perniagaan, soal beberapa inisiatif baharu seperti digitalisasi serta beberapa tindakan bagi memastikan keluaran sumber asli melalui proses hiliran.

“Itu semua kita ketinggalan daripada Indonesia, Vietnam. Hal ini mesti didepani untuk memas-

tikan kita mampu dan berdaya saing,” katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Bangunan Perbendaharaan, di sini, semalam.

Yang turut hadir pada perhimpunan berkenaan adalah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan dan Steven Sim.

Sehubungan itu, Anwar berkata, pasukannya diingatkan tidak berselindung, sekali gus memaklumkan sebarang masalah hutang supaya ia dapat dihadapi bersama dan cadangan atau usul

tindakan boleh diberikan.

Pada masa sama, beliau berkata, pasukannya juga sedang sibuk menyediakan rangka belanjawan baharu.

Perdana Menteri berkata, pihaknya mahu belanjawan itu membawa mesej jelas bahawa ia mengambil kira kedudukan ekonomi yang mencabar ketika ini, dan dilihat mampu memacu pertumbuhan, meyakinkan pelabur serta memberi ‘rahmah’ kepada rakyat.

“Ia adalah satu cabaran sangat

rumit, iaitu kita boleh meyakinkan golongan kaya untuk melabur dan miskin pula mendapat faedah,” katanya.

Seterusnya, Anwar berkata, semua pihak diingatkan supaya tidak terpukau dengan angka penurunan statistik kemiskinan, sebaliknya perlu sedaya upaya mencari jalan untuk memberi sedikit keselesaan kepada golongan miskin.

“Saya tidak mahu berasa boleh tidur nyenyak kalau orang merasakan tersisih, terbiar dan tidak dipedulikan pemimpin negara,” katanya.